

UM 19 SEP 2003

Keikhlasan PM untuk bersara tidak harus dicurigai

PULAU PINANG 18 Sept. — Semua pihak termasuk parti pembangkang tidak harus mencurigai keikhlasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk bersara bulan depan, kata Naib Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, sepatutnya tidak timbul sebarang isu berkaitan persaraan Perdana Menteri yang pendirian muktamad itu telah diumumkannya sendiri sebelum ini.

Sehubungan itu, beliau membidas Pas kerana cuba menimbulkan rasa curiga di kalangan rakyat negara ini berhubung soal persaraan tersebut.

“Apa sahaja yang kita buat (pemimpin kerajaan) memang dia (Pas) akan cuba timbulkan keadaan tidak menentu di kalangan rakyat. Ini taktik biasa Pas.

“Namun tentang soal persaraan ini, saya berpandu-

kan kepada kenyataan-kenyataan Perdana Menteri yang lepas. Kita tidak harus mencurigai apa yang Perdana Menteri katakan,” ujarnya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas tindakan Pas yang sengaja menjadikan keikhlasan Dr. Mahathir untuk bersara bulan depan sebagai isu politik.

Menurut Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar, menerusi ceramah-ceramah mereka, Pas sering mempertikaikan sama ada Dr. Mahathir akan berpegang pada janjinya untuk berundur seperti yang diumumkannya sebelum ini.

Noh berkata, Pas turut ‘menyerang’ pengganti Dr. Mahathir yang juga timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang seolah-olah mahu melagakan kedua-duanya.